



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 50
No. 7

29hb Mac 2007

TAMBAHAN
No. 1

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis are published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2006) Tahun 2006	3
First Supplementary Supply (2006) Enactment, 2006	7
Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2007	11
Criminal Offences In The Syarak (Amendment) Enactment 2007	13
Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pengesahan) 2007	15
Criminal Offences In The Syarak (Validation) Enactment 2007	17

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

2

Rang Undang-Undang

	Muka Surat Page
Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Pindaan) 2007	19
Perlis State Economic Development Corporation (Amendment) 2007	21
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Pengesahan) 2007	23
Administration Of The Islamic Family Law Enactment (Validation) Enactment 2007	25
Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Pengesahan) 2007	27
Administration Of The Syariah Court Enactment (Validation) Enactment 2007	29
Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Pengesahan) 2007	31
Mal Procedure Of The Syariah Court (Validation) Enactment 2007	33
Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak (Pengesahan) 2007	35
Criminal Procedure In The Syarak (Validation) Enactment 2007	37
Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2007	39
Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2007	41
Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2007	43
Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2007	45

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan-perkhidmatan dalam tahun 2006 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud tertentu.

[]

BAHAWASANYA wang sebanyak Ringgit Malaysia Enam Puluh Empat Juta Lapan Ratus Dua Puluh Lapan Ribu (RM64,828,000.00) telah pun diperuntukkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2006.

DAN BAHAWASANYA sekarang ini dikehendaki pula diadakan suatu peruntukan tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Tujuh Juta Dua Belas Ribu Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM7,012,375.00).

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2006) Tahun 2006.

Tajuk ringkas.

Rang Undang-Undang

Peruntukan
tambahan
tahun 2006.

2. (1) Dengan ini adalah dibenarkan supaya dikeluarkan sejumlah wang yang tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Tujuh Juta Dua Belas Ribu Tiga Ratus Tujuh Puluh Lima Sahaja (RM7,012,375.00) daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan bagi perbelanjaan untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Jadual di bawah ini bagi perkhidmatan-perkhidmatan tahun 2006 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan dengan secukupnya oleh Enakmen Perbekalan 2006.

(2) Wang yang tersebut itu adalah diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan di dalam Jadual yang tersebut di bawah ini:

JADUAL PERTAMA

Maksud	Tajuk	Jumlah Peruntukan
(1)	(2)	(3)
		RM
B01 ...	Pejabat Pentadbiran D.Y.M.M. Tuanku Raja	104,450.00
B04 ...	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan	441,000.00
B05 ...	Pelbagai Perkhidmatan	4,457,200.00
B07 ...	Perbendaharaan	1,230,195.00
B09 ...	Jabatan Kerja Raya	140,660
B13 ...	Jabatan Pengairan dan Saliran	95,760.00
B14 ...	Jabatan Perancang Bandar dan Desa	51,370.00
B16 ...	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam	47,895.00
B17 ...	Pejabat Mufti	50,160.00

<i>Perbekalan Tambahan Yang Pertama (2006)</i>			3
B18	...	Mahkamah Syariah	18,020.00
B23	...	Jabatan Perhutanan	162,665.00
B25	...	Jabatan Tanah dan Galian	213,000.00
		JUMLAH	<u>7,012,375.00</u>

HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi kuasa undang-undang seperti yang dikehendaki oleh Perkara 70 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis untuk membenarkan perbelanjaan-perbelanjaan tambahan tertentu bagi perkhidmatan awam Negeri di dalam tahun 2006 yang melebihi perbelanjaan yang telah dibenarkan oleh Enakmen Perbekalan Tahun 2006.

KANGAR
Bertarikh 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to apply a sum out of the Consolidated Fund for the additional expenditure for the services of the year 2006 and to appropriate such a sum for certain purposes.

[]

WHEREAS the sum of Sixty Four Million Eight Hundred And Twenty Eight Thousand Ringgit Malaysia (RM64,828,000.00) has been provided for by the Supply Enactment 2006.

AND WHEREAS it is now requisite to make a further provision of Seven Million Twelve Thousand Three Hundred And Seventy Five Ringgit Malaysia (RM7,012,375.00).

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of Perlis as follows:

1. This Enactment may be cited as the First Supplementary Short title. Supply (2006) Enactment 2006.
2. (1) The issue of a sum not exceeding Seven Million Additional expenditure for the year 2006. Twelve Thousand Three Hundred And Seventy Five Ringgit Malaysia (RM7,012,375.00) out of the Consolidation Fund

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

8

2

Bill

for the Expenditure on the services for the year 2006 not provided or not fully provided for by the Supply Enactment, 2006 is hereby authorised.

(2) The said sum is appropriated for the purposes specified in the Schedule hereto:

FIRST SCHEDULE

Purpose	Title	Total Appropriated
(1)	(2)	(3)
		RM
B01 ...	Administration Office of His Royal Highness Raja of Perlis	104,450.00
B04 ...	Menteri Besar and State Secretary Office	441,000.00
B05 ...	Miscellaneous Services	4,457,200.00
B07 ...	State Treasury	1,230,195.00
B09 ...	Public Works Department	140,660
B13 ...	Drainage and Irrigation Department	95,760.00
B14 ...	Town and Country Planning Department	51,370.00
B16 ...	Islamic Religious Affairs Department	47,895.00
B17 ...	Mufti Office	50,160.00
B18 ...	Syariah Court	18,020.00
B23 ...	Forestry Department	162,665.00
B25 ...	Land and Mines Department	213,000.00
	TOTAL	7,012,375.00

First Supplementary Supply (2006)

3

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to give statutory authority required by Article 70 of the Laws of the Constitution of Perlis for certain additional payment for the state public services in the year 2006 in excess of the expenditure sanctioned by the Supply Enactment 2006.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pindaan) 2007.

Seksyen baru 27A

2. Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini dipinda dengan memasukan selepas seksyen 27 yang berikut:

Judi. 27A. (1) Mana-mana orang yang berjudi atau didapati berada di tempat perjudian adalah bersalah atas suatu kesalahan dan bolehlah apabila disabitkan dikenakan hukuman denda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

2

Rang Undang-Undang

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

"tempat perjudian" ertinya mana-mana premis yang terbuka atau tertutup, dan termasuk bilik, pejabat atau gerai, yang digunakan atau diselenggarakan untuk perjudian, tidak kira sama ada orang awam atau segolongan orang awam mempunyai akses kepadanya atau tidak."

—————
HURAIN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk memasukkan seksyen baru 27A selepas seksyen 27 dalam Enakmen ibu berhubung dengan kesalahan judi.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang undang-undang ini tidak akan melibatkan kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR
Bertarikh 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to amend the Criminal Offences in the Syarak Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Criminal Offences in the Syarak (Amendment) Enactment 2007.

New Section 27A

2. The Criminal offences in the Syarak Enactment 1991, which is referred to as the “principal Enactment” is amended by inserting after section 27 the following section:-

Gambling 27A. (1) Any person who gambles or is found at a gambling place shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding three thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding two years or both.

2

Bill

(2) For the purpose of subsection (1)—

“gambling place” means any premises, whether open or close, and includes a room, an office or a stall, which is used or maintained for gambling, whether the public has access to it or not.”

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to insert the new section 27A, after section 27 in the principal Enactment regarding an offence of gambling.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill Will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR
Dated 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
State Legal Adviser
Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan atau benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan menurut atau di bawah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Pengesahan) 2007.

Pengesahan

2. Segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Kadi, Mahkamah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (En. 4/1993) semasa tempoh dari 18 Februari 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh

2

Rang Undang-Undang

sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

—————
HURAIN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengesahkan segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Kadi, Mahkamah, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Pendaftar Sekolah-Sekolah Agama dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 (En. 4/1993) semasa tempoh dari 18 Februari 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR

Bertarikh 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to validate acts or things done by any person or body pursuant to or under the Criminal Offences in the Syarak Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Criminal Offences in the Syarak (Validation) Enactment 2007.

Validation

2. All acts or thing done or purported to be done by the Kadi, Courts, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Registrar of Islamic Schools and by any other person or body pursuant to or under the Criminal offences in the Syarak Enactment (En.4/1993) during the period from 18 February 1993 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of the Criminal offences in the Syarak Enactment 1991 Shall be deemed to have been validly and lawfully done.

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to validate all acts or things done or purported to be done by the Kadi, Courts, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Registrar of Islamic Schools and by any other person or body pursuant to or under the Criminal offences in the Syarak Enactment (En.4/1993) during the period from 18 February 1993 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of such Enactment.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis 1973.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (Pindaan) 2007.

Pindaan seksyen 4(1)(d)

2. Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis 1973 yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini di pinda dalam seksyen 4(1)(d) dengan menggantikan perkataan “tiga” dengan perkataan “lapan”.

HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini ialah meminda seksyen 4(1)(d) bagi menambah bilangan ahli perbadanan yang dilantik oleh Raja dalam Mesyuarat dari 3 orang kepada 8 orang.

2

Rang Undang-Undang

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

KANGAR

Bertarikh 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to amend Perlis State Economic Development Corporation Enactment 1973.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. Enactment may be cited as the Perlis State Economic Development Corporation (Amendment) 2007.

Amendment of subsection 4(1)(d)

2. The Perlis state Economic Development Corporation Enactment 1973, which is referred to as the “principle Enactment” in this Enactment is amended in section 4(1)(d) by substituting for the word “three” the word “eight”.

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to amend subsection 4(1)(d) to increase the number of members of the Corporation which were appointed by the Ruler in Council from 3 members to 8.

WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

22

2

Bill

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will involved the Government in extra financial expenditure the amount of which cannot at present be ascertained.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Pengesahan) 2007.

Pengesahan

2. Segala perbuatan dan benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Hakim Syariah, Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk Orang Islam; Pendakwa Syarie, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Wali Raja dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 (En. 4/1992) semasa tempoh dari 24 September 1992 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum

2

Rang Undang-Undang

tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengesahkan segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Hakim Syariah, Pendaftar Perkahwinan, Penceraian dan Rujuk Orang Islam, Pendakwa Syarie, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Wali Raja dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 (En. 4/1992) semasa tempoh dari 24 September 1992 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR

Bertarikh 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to validate acts or things done by any person or body pursuant to or under the Islamic Family Law Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Administration of the Islamic Family Law Enactment (Validation) Enactment 2007.

Validation

2. All acts and things done or purported to be done by the Syariah Judge, Registrar of Muslim Marriages, Divorces and Rujuk, Pendakwa Syarie, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Wali Raja and by any other person or body pursuant to or under the Islamic Family Law Enactment 1991 (En. 4/1992) during the period from 24 September 1992 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of the Islamic Family Law Enactment 1991 shall be deemed to have been validly and lawfully done.

2

Bill

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to validate all acts or things done or purported to be done by the Syariah Judge, Registrar of Muslim Marriages, Divorces and Rujuk, Pendakwa Syarie, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Wali Raja and by any other person or body pursuant to or under the Administration of the Islamic Family Law Enactment (En. 4/1992) during the period from 24 September 1992 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of such Enactment.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk Ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah (Pengesahan) 2007.

Pengesahan

2. Segala perbuatan dan benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Syariah, Mahkamah Kadi, Mufti, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Jawatankuasa Ulang Bicara, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pendaftar Mahkamah dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (En. 5/1992) semasa tempoh dari 3 Disember 1992 sehingga 8

2

Rang Undang-Undang

November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

—————
HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengesahkan segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Syariah, Mahkamah Kadi, Mufti, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Jawatankuasa Ulang Bicara, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Pendaftar Mahkamah dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1991 (En. 5/1992) semasa tempoh dari 3 Disember 1992 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR
Bertarikh 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis

A BILL

intituled

An Enactment to validate acts or things done by any person or body pursuant to or under the Administration of the Syariah Court Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Administration of the Syariah Court Enactment (Validation) Enactment 2007.

Validation

2. All acts or things done or purported to be done by the Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Syariah, Court of Kadi, Mufti, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Appeal Committee, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Registrar of the Court and by any other person or body pursuant to or under the Administration of the Syariah Court Enactment 1991 (En. 5/1992) during the period from 3 December 1992

2

Bill

until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of the Administration of the Syariah Court Enactment 1991 shall be deemed to have been validly and lawfully done.

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to validate all acts or things done or purported to be done by the Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Syariah, Court of Kadi, Mufti, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Appeal Committee, Pendakwa Syarie, Peguam Syarie, Registrar of the Court and by any other person or body pursuant to or under the Administration of the Syariah Court Enactment (En. 4/1992) during the period from 3 December 1992 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of such Enactment.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan di bawah Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk Ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Pengesahan) 2007.

Pengesahan

2. Segala perbuatan dan benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Pendaftar, Kadi Besar, Kadi, Mahkamah, Bailif, Peguam Syarie dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah 1991 (En. 5/1993) semasa tempoh dari 18 Februari 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

2

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengesahkan segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Pendaftar, Kadi Besar, Kadi, Mahkamah, Bailif, Peguam Syarie dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Prosedur Mal Mahkamah Syariah 1991 (En. 5/1993) semasa tempoh dari 18 Februari 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR

Bertarikh 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis

A BILL

intituled

An Enactment to validate acts or things done by any person or body pursuant to or under the Mal Procedure of the Syariah Court Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Mal Procedure of the Syariah Court (Validation) Enactment 2007.

Validation

2. All acts or things done or purported to be done by the Registrar, Kadi Besar, Kadi, the Court, Bailiff, Peguam Syarie and by any other person or body pursuant to or under the Mal Procedure of the Syariah Court Enactment 1991 (En. 5/1993) during the period from 18 February 1993 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of the Mal Procedure of the Syariah Court Enactment 1991 shall be deemed to have been validly and lawfully done.

2

Bill

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to validate all acts or things done or purported to be done by the Registrar, Kadi Besar, Kadi, the Court, Bailiff, Peguam Syarie and by any other person or body pursuant to or under the Mal Procedure of the Syariah Court Enactment (En. 5/1993) during the period from 18 February 1993 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of such Enactment.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk mengesahkan perbuatan dan benda yang telah dilakukan oleh mana-mana orang atau badan di bawah Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak (Pengesahan) 2007.

Pengesahan

2. Segala perbuatan dan benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Kadi Besar, Kadi, Mahkamah, Jawatankuasa Ulang Bicara, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Peguam Syarie, Peguam, Pegawai Penguatkuasa Syariah, Pendakwa dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau dibawah Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak 1991 (En.7/

2

Rang Undang-Undang

1993) semasa tempoh dari 18 Mac 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen Prosedur Jenayah Dalam Syarak 1991 hendaklah disifatkan telah dilakukan dengan sah dan menurut undang-undang.

HURAIAN

Adapun tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk mengesahkan segala perbuatan atau benda yang telah dilakukan atau yang berupa sebagai telah dilakukan oleh Kadi Besar, Kadi, Mahkamah, Jawatankuasa Ulang Bicara, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Peguam Syarie, Peguam, Pegawai Penguatkuasa Syariah, Pendakwa dan oleh mana-mana orang atau badan lain menurut atau di bawah Enakmen Prosedur Jenayah dalam Syarak 1991 (En. 7/1993) semasa tempoh dari 18 Mac 1993 sehingga 8 November 2006, iaitu tarikh sebelum tarikh yang ditetapkan bagi permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR
Bertarikh 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to validate acts or things done by any person or body pursuant to or under the Criminal Procedure in the Syarak Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Criminal Procedure in the Syarak (Validation) Enactment 2007.

Validation

2. All acts and things done or purported to be done by the Kadi Besar, Kadi, Courts, Jawatankuasa Ulang Bicara, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Peguam Syarie, Peguam, Pegawai Penguatkuasa Syariah, Pendakwa and by any other person or body pursuant to or under the Criminal Procedure in the Syarak Enactment 1991 (En. 7/1993) during the period from 18 March 1993

2

Bill

until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of the Criminal Procedure in the Syarak Enactment 1991 shall be deemed to have been validly and lawfully done.

EXPLANATORY STATEMENT

The purpose of this Bill is to validate all acts or things done or purported to be done by the Kadi Besar, Kadi, Courts, Jawatankuasa Ulang Bicara, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Pegawai Masjid, Peguam Syarie, Peguam, Pegawai Penguatkuasa Syariah, Pendakwa and by other person or body pursuant to or under the Criminal Procedure in the Syarak Enactment (En. 7/1993) during the period from 18 Mac 1993 until 8 November 2006, being the date before the date appointed for the coming into operation of such Enactment.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involved the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2007.

Pindaan seksyen 2(1)

2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006 dipinda seperti berikut:

(a) selepas perkataan “tertentu” dalam definisi bermastautin, dipotong tanda koma bertindih dan diganti dengan perkataan “atau yang telah disahkan oleh Hakim Syarie sedemikian”.

2

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda definisi “bermastautin” di bawah seksyen 2(1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2006.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR

Bertarikh 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to amend the Islamic Family Law Enactment 2006.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2007.

Amendment section 2(1)

2. The Islamic Family Law Enactment 2006, is amended as follows:

(a) by deleting the semi colon sign after the word “area” in the definition of resident and substituted with the words “or certified by the Syarie Judge as such”.

2

Bill

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend section 2(1) of the Islamic Family Law Enactment 2006 by amending the definition of “resident”.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR

State Legal Adviser

Perlis

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991.

[]

MAKA DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam (Pindaan) 2007.

Pindaan seksyen 2(1)

2. Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991 dipinda seperti berikut:

- (a) selepas perkataan “tertentu” dalam definisi bermastautin, dipotong tanda koma bertindih dan diganti dengan perkataan “atau yang telah disahkan oleh Hakim Syariah sedemikian”.

2

Rang Undang-Undang

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda definisi “bermastautin” di bawah seksyen 2(1) Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Keluarga Islam 1991.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR
Bertarikh 5 April 2007
[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

intituled

An Enactment to amend the Islamic Family Law Enactment 1991.

[]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Islamic Family Law (Amendment) Enactment 2007.

Amendment section 2(1)

2. The Islamic Family Law Enactment 1991, is amended as follows:

(a) by deleting the semi colon sign after the word “area” in the definition of resident and substituted with the words “or certified by the Syariah Judge as such”.

2

Bill

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend section 2(1) of the Islamic Family Law Enactment 1991 by amending the definition of “resident”.

FINANCIAL IMPLICATION

This Bill will not involve the Government in extra financial expenditure.

KANGAR

Dated 5 April 2007

[SUK.(Ps.) 05/069]

ROSLAN BIN HAJI ABU BAKAR
State Legal Adviser
Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR STAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA